

**UNSUR- UNSUR NATURALISME DALAM  
SALINA DAN SUNGAI MENGALIR LESU :  
SATU KAJIAN BANDINGAN**

Oleh

**JAMINKHIRI BIN CHEK EMBI**

Tesis diserahkan untuk memenuhi  
Sebahagian keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera

2002

725497

1161

rb  
f PL5136.1  
S188J32  
2002

## PENGHARGAAN

( Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah

Lagi Maha Mengasihani)

Segala puji-pujian hanya bagi Allah s.w.t., selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. Syukur kehadiran Allah s.w.t. kerana memberi kekuatan mental dan fizikal sehingga siapnya kajian ini seperti yang dirancangan.

Dalam menyiapkan kajian ini penulis merasa amat terhutang budi dan amat berterima kasih kepada Dr.Sohaimi Abdul Aziz. Selaku seorang penyelia , beliau banyak membimbing, memberikan tunjuk ajar dan banyak membantu penulis dalam menyiapkan kajian ini. Nasihat, teguran yang membina dan bantuan yang dihulurkan memberi kekuatan kepada penulis untuk menyiapkan kajian ini

Jutaan terima kasih juga ingin diucapkan kepada para pensyarah PPIK USM, khususnya Prof.Madya Dr.Noriah Taslim, Prof.Madya Dr.Harun Daud, dan Dr.Jelani Harun atas keikhlasan membantu dan memberikan nasihat dan teguran .Penghargaan juga ingin dirakamkan kepada kesemua pensyarah bahagian kesusasteraan.



Didedikasikan kajian ini khusus buat bonda Maimunah Abdullah, ayahanda Chek Embi Aziz, Isteri tercinta Rogayah Mohammad, anak-anak tersayang Nur Amelia Syireen, Nur Aini Rashidah, Muhammad Khalil Lutfi dan Muhammad Nabil Fahmi.

Seterusnya dedikasi buat sahabat-sahabat baik penulis terutamanya Sham, Jalil, Zinon, Nasir dan lain-lain atas segala sokongan yang dihulurkan. Tanpa sokongan, dorongan dan bantuan yang dihulurkan, penulis tidak mempunyai kekuatan dalam menyiapkan kajian ini.

Akhir kata, tidak lupa diucapkan terima kasih kepada kakitangan PPIK USM khususnya Puan Azmah Mansor atas segala bantuan yang dihulurkan. Semoga kajian ini dimanfaatkan dan dapat memberi sumbangan kepada dunia kesusasteraan tanah air.

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iv
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
BAB SATU	PENDAHULUAN
1.1	pengenalan 1
1.2	Penyataan Kajian 5
1.3	Objektif Kajian 6
1.4	Tinjauan Kajian Yang Lalu 7
1.5	Kepentingan Kajian 11
1.6	Metodologi Kajian 11
1.7	Skop Kajian 12
1.8	Organisasi Bab 13
BAB DUA	NATURALISME : SATU PERGERAKAN
	SASTERA
2.1	Kesusasteraan Bandingan 15
2.2	Pendekatan Periode 19
2.3	Dari Realisme Ke Naturalisme 24

2.3.1	Realisme	24
2.3.2	Naturalisme	30
2.4	Latar Belakang A.Samad Said Dalam Konteks Penghasilan <u>Salina</u> Dan <u>Sungai</u> Mengalir Lesu	45
BAB TIGA	<u>SALINA DAN SUNGAI MENGALIR LESU: UNSUR-UNSUR NATURALISME</u>	55
BAB EMPAT	KESIMPULAN	97
BIBLIOGRAFI		107

## ABSTRAK

Naturalisme mula terserlah dalam penulisan penulis-penulis dari Perancis seperti Edmont Louis de Goncourt, Jules Alfred Huot de Goncourt dan Emile Zola. Pergerakan sastra ini muncul pada akhir abad ke sembilan belas di Perancis. Pergerakan ini tersebar ke seluruh Eropah, Amerika dan sampai di Malaysia pada pertengahan abad ke dua puluh.

Dua buah novel yang dipilih untuk kajian ini ialah Salina dan Sungai Mengalir Lesu karya A.Samad Said. Kajian ini mempunyai tiga objektif yang berkaitan iaitu untuk mengkaji sejauhmana falsafah naturalisme wujud dalam Salina dan Sungai Mengalir Lesu, melihat bagaimana naturalisme dibangunkan melalui teknik penulisan dan melihat bagaimana unsur-unsur naturalisme menghakis kesan moral dalam novel yang dikaji. Pendekatan yang digunakan di dalam kajian ini ialah pendekatan periode yang dibawa masuk dari disiplin Kesusasteraan Bandingan.

Kajian mendapati bahawa unsur-unsur naturalisme jelas terdapat di dalam kedua-dua buah novel yang dikaji. Teknik pemerian dan dialog digunakan secara meluas oleh pengarang di dalam kedua-dua buah novel. Kehadiran unsur-unsur naturalisme ini telah menghakis kesan moral di dalam novel yang dikaji.



## ABSTRACT

Naturalism was first prominently exhibited in the writings of French authors, especially Edmont Louis de Goncourt, Jules Alfred Huot de Goncourt and Emile Zola. The literary movement appeared at the end of nineteenth century in France and spread to whole Europe and America. Then it reached Malaysia in the middle of twenty century.

Two novels chosen for this study are Salina and Sungai Mengalir Lesu by A.Samad Said. This study has three objectives which are inter-related, firstly to study what extent naturalism exist in Salina and Sungai Mengalir Lesu, secondly to identify the technique of writing used in the two novels. Lastly to study how elements of naturalism erode moral effects of the novels. This study uses periodical approach from Comparative Literature to identify elements of naturalism in the two novels.

Study shows there are elements of naturalism in Salina and Sungai Mengalir Lesu. Technique of description and dialogue are commonly used in the two novels. The elements of naturalism have eroded the moral effect of the two novels.

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Tradisi kesusasteraan di Malaysia telah lama wujud semenjak masyarakat belum lagi mengenal huruf. Bermula dengan kesusasteraan lisan dan beralih kepada kesusasteraan bertulis, kemudian munculnya tradisi intelektual di istana. Maka lahirlah sastera tulisan seperti sastera sejarah. Kemudian apabila Barat datang ke Malaysia ( Tanah Melayu), maka muncul pula novel sebagai satu genre sastera tulisan yang berbeza dari genre sastera sejarah.

Menurut A.Wahab Ali novel Melayu pertama yang dikenal ialah Hikayat Faridah Hanum yang ditulis oleh Syed Syeikh Al Hadi pada tahun 1925. Para sarjana menganggap novel ini adalah saduran dari cerita Timur Tengah kerana ceritanya berlatarkan alam Timur Tengah. Hikayat Faridah Hanum di golongankan ke dalam bentuk novel berdasarkan definisi dan pengertian yang diberikan oleh Ian Watt, iaitu realisme adalah ciri yang paling nyata membezakan prosa cerita moden awal abad kelapan belas yang digolongkan sebagai novel. Realisme yang disebutkan oleh Ian Watt itu adalah realisme formal. Cerita yang disajikan tersebut adalah cerita real mengenai kehidupan

manusia yang berjejak di bumi nyata dan dapat diterima oleh akal (A.Wahab Ali, 1989: .2).

Realisme awal berkembang di Malaysia (Tanah Melayu) apabila lahirnya novel-novel seperti Hikayat Faridah Hanum, Kelebihan Bersahabat, Hikayat Khalik dan Malik, Hikayat Perjumpaan Asyik, Kawan Benar, Dua Belas Kali sengsara, Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan, Periodohan yang setia, Gadis Hulu Muar, lakah Salmah?, Melur Kuala Lumpur, Pertemuan yang Berbahagia, Bintang Timur Semenanjung, Godaan Cinta, Jodoh yang Tak Disangka, Putera Gunung Tahan dan Anak Mat Lela Gila. (Hashim Awang,1989: 19,20)

Novel-novel yang dihasilkan ini mempunyai kelainan daripada karya sebelumnya iaitu hikayat kerana adanya penekanan atau penyajian yang berbeza-beza terhadap unsur realiti atau realisme iaitu kecenderungan yang amat besar terhadap keutamaan menimbulkan kesan realiti secara terperinci dan meluas. Ciri yang kedua ialah menggambarkan manusia biasa yang mempunyai motif dan perangai yang kompleks dan hubungannya dengan alam, dengan manusia lain dan dengan zaman lampaunya.

Ciri ketiga realisme awal yang terdapat dalam novel tersebut ialah persoalan unsur-unsur latar iaitu peristiwa yang digambarkan dalam novel tersebut berlaku di tempat dan pada masa yang tertentu, penekanan

terhadap gambaran yang teliti terhadap persekitaran, suasana dan zaman apabila peristiwa tersebut berlaku. Bahasa yang digunakan adalah bahasa harian dalam kehidupan manusia ketika itu. Persoalan atau tema cerita dalam realisme awal yang berkembang di Tanah Melayu hampir keseluruhannya terdiri daripada persoalan biasa, persoalan harian yang kerap ditemui dalam masyarakat pada zaman perkembangannya berkaitan dengan persoalan tentang sosial, ekonomi dan politik contohnya cinta muda-mudi, kahwin paksa, emansipasi wanita, kebebasan sosial, pengaruh kebudayaan Barat, peningkatan taraf hidup, nasionalisme dan kemerdekaan. (Ibid., : 15)

Satu lagi ciri realisme awal ialah kebanyakan novel yang dihasilkan menampilkan watak-watak dalam cerita terdiri daripada manusia biasa dan bukannya makhluk luar biasa seperti dalam cerita hikayat seperti anak-anak raja, dewa-dewa atau jin. Manusia biasa yang digambarkan adalah daripada golongan kelas menengah seperti saudagar atau hartawan. Nama-nama yang digunakan juga adalah nama-nama biasa yang terdapat dalam kehidupan seharian seperti Salmah, Salina, Khatijah dan sebagainya.

Ketika zaman Jepun dapat dikatakan tidak ada novel yang diterbitkan. Selepas Perang Dunia Kedua, novel kelihatan muncul semula dengan pengarangnya seperti Ahmad Lutfi, Hamzah dan Wijaya Mala. Selepas perang sehingga akhir tahun lima puluhan penulisan novel agak lesu.

Selepas merdeka terutama pada tahun enam puluhan novel kembali menemui zaman gemilangnya. Terdapat banyak novel-novel yang bermutu umpamanya Salina karangan A.Samad Said. Novel ini meletakkan satu titik baru bagi satu perkembangan dalam sejarah pertumbuhan novel-novel Melayu. Ia memperlihatkan usaha yang lebih serius dalam menghayatkan kehidupan manusia menerusi bentuk novel sebagai hasil seni. Ia membawa persoalan manusia kerdil atau *the beautiful little people* yang menjadi mangsa peperangan yang mendiami daerah meleset di pinggir kota Singapura. Pembaharuan yang terpenting pada Salina ialah dari segi pelukisannya yang amat terperinci dengan menggunakan bahasa yang segar. Novel ini menghayatkan kehidupan melalui penggambarannya tidak melalui penceritaannya (A.Wahab Ali ,1989 : 7).

Novel-novel selepas Perang Dunia Kedua memperlihatkan gambaran kehidupan manusia biasa yang sebenar-benarnya. Biasanya dengan memberi gambaran tentang manusia biasa dari kelas menengah dan rendah dan merakamkan kegiatan mereka dengan secara konkrit dan jelas. Aliran ini dikenali dengan istilah realisme. Realisme sebagai istilah mula dipakai dalam falsafah abad pertengahan. Sebagai istilah untuk gaya seni realisme dipakai untuk seni yang memperlihatkan aspek kehidupan sehari-hari yang nyata dan sungguh-sungguh, tanpa tambahan fantasi atau perincian yang bukan-bukan ( A.Teeuw, 1995: 207).

Sejenis realisme yang khusus dan ekstrim ialah naturalisme yang cuba, menurut kata-kata pendokong utamanya Emile Zola, mengambil secebis kehidupan dan kemudian dianalisis secara saintifik dan tanpa rasa simpati. Tujuannya ialah untuk membuat gambaran dan rakaman bagi semua pemandangan dan bunyi. Teknik ini digabungkan pula dengan sesuatu pandangan falsafah yang tertentu, iaitu falsafah deterministik dimana manusia dilihat sebagai mangsa kepada kuasa dan keadaan yang tidak dapat dielakkan atau dikawal.

## 1.2 Penyataan Kajian

A. Samad Said merupakan pengarang terpenting dan telah mengukir nama dalam dunia kesusasteraan Malaysia. Kepentingannya berdasarkan iltizam yang kental dalam menghasilkan karya dan juga pengiktirafan yang telah diberikan sepanjang penglibatannya dalam dunia penulisan. Beliau telah dua kali memenangi anugerah tertinggi daripada kerajaan iaitu diiktiraf sebagai Pejuang Sastera pada 2 Mei 1976 dan telah dianugerahkan gelaran Sasterawan Negara pada 25 Mei 1986. Pada 10 Oktober 1993 beliau telah menerima anugerah ASEAN bagi kategori Sastera kerana sumbangannya yang besar dalam bidang sastera.

Beliau mula giat mengarang sejak tahun 1950-an lagi. Beliau menulis hampir kesemua genre seperti cerpen, sajak, drama, esei, autobiografi,

terjemahan, kritikan, novel remaja dan novel dewasa. Dalam genre novel beliau telah menghasilkan beberapa buah novel yang terkenal seperti Salina, Sungai Mengalir Lesu, Di Hadapan Pulau, Adik Datang, Langit Petang, Daerah Zeni, Hujan Pagi, Balada Hilang Peta dan Warkah Eropah. Novel sulungnya Salina yang telah diterbitkan pertama kalinya pada tahun 1961 dan telah dianggap sebagai telah mencapai tahap antarabangsa.

A.Samad Said suka menghasilkan novel-novel yang berlainan daripada rakan-rakan penulis yang seangkatan dengannya. Selain realisme, beliau juga dikatakan dipengaruhi oleh aliran naturalisme di dalam novel-novel yang dihasilkannya seperti Salina dan Sungai Mengalir Lesu.

Sehingga kini belum ada lagi kajian yang dibuat tentang wujudnya aliran naturalisme di dalam novel-novel yang dihasilkan oleh A.Samad Said. Jadi wajarlah satu kajian dibuat untuk cuba meneroka sejauh manakah benar adanya aliran naturalisme di dalam kedua-dua buah novel beliau yang dikaji iaitu Salina dan Sungai Mengalir Lesu.

### 1.3 Objektif kajian

Di dalam kajian ini terdapat tiga objektif yang berkaitan di antara satu sama lain. Objektif pertama kajian ini ialah untuk mengkaji sejauhmana

falsafah naturalisme wujud dalam Salina dan Sungai Mengalir Lesu karya A.Samad Said. Kajian ini ingin melihat atau mengesan falsafah naturalisme dalam kedua-dua novel tersebut dari sudut pemikiran pengarang dalam melukiskan watak-watak, jalan cerita dan sudut pandangannya di dalam konteks Kesusasteraan Bandingan melalui pendekatan periode.

Objektif kedua kajian ini ialah untuk melihat bagaimana naturalisme dibangunkan dalam kedua-dua buah novel tersebut iaitu melalui teknik penulisan yang digunakan oleh A.Samad Said dalam Salina dan Sungai Mengalir Lesu.

Objektif ketiga kajian ini ialah untuk mengkaji dan melihat bagaimana unsur-unsur naturalisme menghakis kesan moral di dalam novel-novel yang dikaji.

#### 1.4 Tinjauan kajian yang lalu

Karya A.Samad said sering mendapat perhatian dan kajian peminat peminat sastera dan sarjana. Antara mereka ialah Abdul Aziz H.M., Abdullah Tahir, A.Rahim Abdullah, Fatimah Busu, Johan Jaafar, Lutfi Abbas, Muhammad Fauzi Yunus, Rahman Shaari, Rosnah Baharuddin, Shahlan Mohd Saman, Shahnnon Ahmad, Sohaimi Abd Aziz, Rahimah A. Hamid, Solehah Ishak, Kassim Ahmad dan beberapa orang pengkaji lagi.



Abdul Aziz H.M.(1991) menulis Bersama Samad ke Daerah Zeni, A.Rahim Abdullah (1985) menulis A.Samad Said: Novelis Realis yang Unik, Muhammad Fauzi Yunus (1989) menulis Hujan Pagi Dilihat daripada Persoalan Nilai, Rahman Shaari ( 1993) menulis tentang A.Samad Said Sebagai Penyair, Rosnah Baharuddin (1990) menulis Adik Datang Paduan Indah Dua Realiti, Shahlan Mohd Saman (1986) menulis A.Samad Said dari Salina ke Daerah Zeni, (1988) Hujan Pagi antara Ilusi dan Realiti, Shahnnon Ahmad (1986)menulis Tassawur Sasterawan Lazri Meon dalam Daerah Zeni, Sohaimi Abd Aziz (1998) pula menulis bukunya Rasa-Fenomenologi Penerapan Terhadap Karya A.Samad said.

Para sarjana dan pengkaji sastera yang menulis atau membuat kajian tentang Salina ialah Shahnnon Ahmad (1986) dalam buku Hamzah Hamdani (ed.)Novel-Novel Malaysia Dalam Kritikan dengan tajuknya "Siti Salina Sebuah Renungan Kembali". Shahnnon Ahmad memberatkan aspek agama dalam tulisannya dan membicarakan Salina dengan pendekatan moral. Beliau melihat kesengajaan watak-watak dalam Salina melakukan dosa. Watak-watak dalam novel ini dilihat sebagai mangsa peperangan dan hidup menderita. Shahnnon mengatakan bahawa peperangan menjadi punca yang membawa Salina ke dunia pelacuran dan kemudiannya bersekedudukan dengan seorang bekas kelasi yang kejam. Penekanan Shahnnon bukanlah soal kekejaman tetapi adalah soal moral. Menurut Shahnnon Ahmad, Salina menjadi pelacur bukan hanya disebabkan oleh peperangan tetapi adalah

disebabkan kekosongan iman dalam dirinya. Salina sengaja menjadi pelacur dan menyimpan Abdul Fakar walaupun secara material dia tidak mendapat sebarang keuntungan atau hasil daripada Abdul Fakar. Bahkan Abdul Fakar yang pemerias merugikan Salina. Shahnnon mengatakan tidak ada wira dan wirawati dalam novel tersebut dan yang ada hanyalah tokoh-tokoh. Di antara mereka ada ikatan yang padu.

Kassim Ahmad dalam tulisannya "Salina: Kesan-Kesan Naturalisme dan Materialisme" membicarakan pendekatan sosiologi. Beliau melihat peristiwa sedih di dalam novel tersebut sebagai satu tragedi masyarakat Melayu yang separuh feudal dan separuh kolonial. (Hamzah Hamdani, 1990)

Li Chuan Siu (1967) dalam bukunya Ikhtisar Sejarah Pergerakan dan Kesusasteraan Melayu Moden mengkaji karya-karya pengarang lain dan A.Samad Said. Karya A.Samad Said yang dikaji ialah Salina dari segi tema, teknik penggubahan bahan mentah ke dalam cerita, bahasa yang digunakan dan membuat sinopsis novel tersebut.

S.Othman Kelantan (1987) di dalam bukunya Kecenderungan Baru dalam Novel Melayu menyentuh sedikit tentang novel A.Samad Said iaitu Salina dan Sungai Mengalir Lesu dari segi tema, plot, pemilihan peristiwa dan kejadian dalam novel, teknik yang digunakan dalam penulisan, perwatakan, latar, sudut pandangan dan teknik penyampaian pengarang.

Ramli Isin (1997) dalam bukunya Novel Melayu Mutakhir : Tema dan Persoalan Karya mengkaji Salina dan Sungai Mengalir Lesu dan novel-novel A.Samad Said dan lain-lain penulis dari sudut tema dan persoalan karya.

A.Wahab Ali (1989) dalam bukunya Imej Manusia dalam Sastera melihat Salina sebagai sebuah novel yang meletakkan titik baru dalam perkembangan dan pertumbuhan novel-novel Melayu. Salina mengingkari konsep wira-wirawati dan pelukisan watak hitam putih yang terdapat dalam novel-novel sebelum perang. A.Wahab melihat pembaharuan dari segi pelukisan yang amat terperinci dalam Salina. Dalam buku ini beliau mengkaji Salina dan novel-novel lain dari sudut perwatakan dan imej manusia. Watak-watak kerdil dalam Salina seperti Salina, Zarina, Abd fakar, Nahidah, Sunarto, Mansur, Hilmi dan Bulat mendapat perhatiannya. Beliau juga turut mengkaji watak-watak kerdil dalam Sungai Mengalir Lesu seperti Irwan, Mulyadi, Mak Buruk, Salimah, Zainab, Ahmad Jani, Tompong dan Dalim.

Berdasarkan penelitian dan kajian yang dibuat terhadap tulisan-tulisan di atas dapat disimpulkan bahawa belum ada lagi kajian dari pengkaji dan pengkritik sastera yang membuat kajian tentang naturalisme dalam Salina dan Sungai Mengalir Lesu khususnya di dalam konteks Kesusasteraan Bandingan.

## 1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini diyakini perlu dan penting memandangkan sehingga kini masih belum terdapat kajian yang melihat unsur naturalisme dalam novel-novel yang dihasilkan oleh pengarang di Malaysia seperti A.Samad Said. Tambahan pula belum ada lagi kajian karya A.Samad Said di dalam konteks Kesusasteraan Bandingan. Maka kajian ini bukan sahaja untuk dunia kritik sastera di Malaysia tetapi juga kajian Kesusasteraan Bandingan.

## 1.6 Metodologi kajian

Kajian akan dilakukan dengan menggunakan metodologi di dalam Kesusasteraan Bandingan. Metodologi yang dimaksudkan ialah pendekatan periode. Pendekatan periode adalah satu pendekatan di dalam Kesusasteraan Bandingan yang membandingkan dua bahan karya atau lebih berdasarkan periode sastera. Salah satu unsur di dalam periode sastera ialah pergerakan sastera. Di dalam kajian ini pergerakan sastera yang akan dikaji ialah naturalisme.

Kajian ini akan membincangkan sejarah pergerakan naturalisme di Eropah yang dipelopori oleh Emile Zola dan rakan-rakannya di Perancis dan memperlihatkan sejauh manakah aliran naturalisme ini muncul dalam

kesusasteraan di Malaysia melalui dua buah novel karya A.Samad Said, iaitu Salina dan Sungai Mengalir Lesu.

## 1.7 Skop kajian

Skop kajian ini adalah berdasarkan dua buah novel yang dihasilkan oleh A.Samad Said iaitu Novel Salina dan Sungai Mengalir Lesu. Dua buah novel ini dipilih sebagai teks untuk kajian ini memandangkan ianya jelas menampakkan adanya unsur naturalisme.

Salina yang judul asalnya Gerhana telah mendapat tempat ketiga dalam peraduan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1958 menjadi pemisah antara penulis lama dan baru. Novel ini dihasilkan dalam usianya 23 tahun. Novel Salina telah diterbitkan pertama kalinya pada tahun 1961 (Rosnah Baharudin, 1997 : 18). Salina merupakan novel Melayu yang paling tebal yang pernah ditulis ketika itu iaitu melebihi 500 halaman. Watak pentingnya Siti Salina seorang pelacur. A.Samad Said telah memberi *insight* baharu terhadap gambaran watak pelacur dan yang paling jelas telah jauh meninggalkan konvensi sastera Melayu yang masih sangat pekat unsur didaktiknya ketika itu ( Ibid ., :19). Salina terperangkap di dalam derita dan seksaan peperangan.

Sungai Mengalir Lesu pernah dianggap novel terbaik A.Samad Said selepas Salina, malah ada sesetengah pengkaji dan pengkritik sastera berpendapat novel ini jauh lebih baik daripada Salina. Sungai Mengalir Lesu merupakan sebuah cerita yang sarat dengan tragedi, semasa Zaman Perang Dunia Kedua. Watak-watak seperti Tuminah, Mak Buruk, Basir, Ahmad Jani, Salimah, Sayeed Ayuub, Zainab, Giap Hong, Dalim dan Sukon mewakili sebahagian daripada mereka yang tinggal di pinggir sebuah sungai di Singapura yang mengalirkan kekotoran dan rezeki buat mereka. Watak-wataknya dibelenggu oleh penderitaan kehidupan akibat daripada kesan peperangan. Kedua-dua novel A.Samad Said ini jelas dan sesuai untuk kajian ini.

## 1.8 Organisasi Bab

Kajian ini dibahagikan kepada empat bab. Bab satu merupakan pengenalan ringkas tentang kajian ini yang merangkumi Pernyataan Kajian, Objektif Kajian, Tinjauan Kajian Yang Lalu, Kepentingan Kajian, Metodologi Kajian, Skop Kajian dan Organisasi Tesis.

Dalam Bab Dua, kajian akan menyentuh tentang Pendekatan Periode di dalam Kesusasteraan Bandingan yang digunakan dalam membuat kajian ini. Pergerakan sastera yang dibincangkan ialah aliran naturalisme yang dipopularkan oleh Emile Zola. Bab ini juga akan membincangkan latar

belakang A.Samad Said di dalam konteks penghasilan novel Salina dan Sungai Mengalir Lesu.

Dalam Bab Tiga adalah bab analisis terhadap Salina dan Sungai Mengalir Lesu. Kajian ini akan melihat bagaimana unsur- unsur naturalisme ini dibangunkan di dalam dua buah novel ini.

Manakala dalam Bab Empat merupakan bab rumusan dan penutup. Bab ini merupakan pandangan dan kesimpulan kepada ketiga- tiga objektif kajian di dalam disertasi ini.

## BAB 2

### NATURALISME: SATU PERGERAKAN SASTERA.

#### 2.1. Kesusasteraan Bandingan

Kesusasteraan Bandingan merupakan satu bidang pengajian yang cukup luas skopnya. Keluasan bidang ini akibat daripada tanggapan yang longgar dan tidak definitif tentang rangka bidangnya (Abdul Ahmad, 1994: 47 ). Kesusasteraan Bandingan yang bertitik tolak dari fahaman mazhab Perancis terus berkembang dan berubah mengikut arus pergolakan dan perubahan budaya, sosial dan politik dunia.

Kesusasteraan Bandingan merupakan satu disiplin yang muncul pada abad ke 18 dan ke 19 sebagai satu disiplin ilmu pengetahuan setelah melalui beberapa tahap sejarah perkembangan dunia. Kesusasteraan Bandingan yang mulai tumbuh dan berkembang di Eropah dan Amerika Syarikat ini kemudiannya menjalar ke beberapa buah negara lain di dunia hinggalah sampai ke Malaysia. Disiplin ini dipelopori oleh sarjana Perancis yang mempunyai fahaman yang sama yang kemudiannya telah menubuhkan sekolah pemikiran yang dikenali sebagai Mazhab Perancis.( Sohaimi Abdul Aziz, 2001: 1). Tokoh-tokoh Mazhab Perancis ini ialah H.M.Posnett dan



Joseph Texte dan Paul Van Tiegham, Ferdinand Baldensperger dan Jean Marie Carre.

Kemudiannya disiplin Kesusasteraan Bandingan ini berkembang di Amerika pada awal abad ke dua puluh dengan munculnya mazhab Amerika. Antara tokoh-tokohnya ialah Frank Wadleigh Chandler, George Woodberry, Rene Wellek dan Austin Warren dan Henry H.H. Remak. (Sohaimi Abdul Aziz, 2001: 6)

Pengertian awal Kesusasteraan Bandingan seperti yang disarankan oleh Paul Van Tiegham dan Jean Marie Carre adalah bersifat sejarah. Fenomena ini adalah berkait rapat dengan sejarah sastera. Ini dapat kita perhatikan berdasarkan petikan berikut;

*Comparative Literature is a branch of literary history: it is the study of international spiritual relations, of rapport de fait between Byron and Pushkin, Goethe and Carlyle, Walter Scott and Alfred de Vigny, and between the works, the inspirations and even the lives of writers belonging to different literatures.*

(Weistein Ulrich, 1973: 3)

Menurut Sohaimi Abdul Aziz ( 2001:1-2) H.M. Posnett telah menggariskan prinsip-prinsip Kesusasteraan Bandingan dengan mengatakan bahawa Kesusasteraan Bandingan ialah satu kajian sumber dalaman dan

luaran seperti politik dan sosial yang memberi kesan kepada perkembangan kesusasteraan kebangsaan.

Bagi Posnett, kesusasteraan sebagai hasil seni wujud dari tekanan ekstrinsik iaitu tekanan sosial dan fizikal yang terdapat di dalam sesebuah negara. Penekanan yang dibuatnya adalah berdasarkan pada kesusasteraan sebuah negara sahaja.

Perkembangan pesat dalam pengkajian *historico-scientific* telah mempengaruhi disiplin Kesusasteraan Bandingan di dalam pelbagai aspek, contohnya Kesusasteraan Bandingan mulai dianggap sebagai satu pengkajian yang perlu meninjau kesusasteraan daripada sudut sains seperti yang dipelopori oleh Joseph Texte. Beliau menyatakan bahawa Kesusasteraan Bandingan ialah:

*...the study of the cross fertilizations and contacts between single literatures which he considered as a sub-species of the whole literature of humanity, or of their evolutions and mutations".*

(Hamdan Yahya, 1988: 105)

Joseph Texte menegaskan bahawa Kesusasteraan Bandingan ialah kajian penyilangan penyuburan dan konteks antara karya-karya sastera dari sebuah negara sahaja. Karya sastera yang dikaji dianggap sebagai *subspecies*, evolusi dan mutasi kepada keseluruhan kesusasteraan. (Sohaimi

Abdul Aziz, 2001: 2)Tanggapan ini jelas menekankan bahawa pengkajian sastera secara biologis dan menurut teori-teori evolusi hingga meninggalkan kesan mendalam kepada sarjana-sarjana Kesusasteraan Bandingan mazhab Perancis seperti Fernand Baldensperger, Paul Van Tieghem, Paul Hazard, Jean Marie Carre, M.F.Guyard dan beberapa orang lagi.

Pengamal Kesusasteraan Bandingan daripada Mazhab Perancis membuat perbandingan berteraskan pendekatan historico-scientific, seperti pendekatan pengaruh ataupun pendekatan genetik. Pola perbandingannya bersifat binari. Perbandingan antara kesusasteraan kebangsaan tidak begitu diterima manakala perbandingan antara kesusasteraan Perancis dan Jerman adalah pola yang diizinkan( Sohaimi Abdul Aziz, 2001: 5). Kesusasteraan Perancis dianggap lebih unggul jika dibandingkan dengan kesusasteraan kebangsaan yang lain.

Pada tahun1903, George Woodberry (Mazhab Modenis) menyatakan bahawa penyelidikan tentang kesusasteraan bandingan seharusnya dibuat dengan kesedaran ras, harus filosofis, estetik dan juga humanistik. Kesusasteraan Bandingan tidak lagi dianggap semata-mata sebagai satu sejarah kesusasteraan atau satu disiplin sains kerana untuk mengkaji kesusasteraan harus mempunyai elemen kritik kesusasteraan.

Kajian Kesusasteraan Bandingan di Amerika menurut Sohaimi Abdul Aziz (2001: 6) cuba dipisahkan daripada pendekatan *historico scientific* yang dilihat sebagai beku dan tidak mencerminkan erti kesusasteraan yang sebenarnya. Mazhab Perancis dilihat hanya mengkaji keselarian, persamaan dan mencari bukti untuk menunjukkan seseorang penulis itu dipengaruhi oleh penulis yang lain. Kajian Kesusasteraan Bandingan menurut Mazhab Amerika haruslah membuat perbandingan secara lebih terbuka bahkan menolak pendekatan binari. Kajian Kesusasteraan Bandingan seharusnya bersifat antarabangsa dan antarabangsa.

Terdapat pelbagai pendekatan di dalam kajian Kesusasteraan Bandingan. Salah satu daripadanya ialah pendekatan periode.

## 2.2. Pendekatan Periode

Pendekatan Periode ialah pendekatan yang membuat kajian bandingan berasaskan kesatuan karya-karya dalam konteks jangkamasa yang tertentu. Namun ianya tidak terhad kepada konsep jangkamasa sahaja tetapi meliputi konsep-konsep yang lain yang berdekatannya seperti pergerakan dan angkatan. Period sastera ialah satu jangkamasa yang tertentu yang agak panjang yang di dalamnya karya-karya sastera sesebuah negara atau beberapa buah negara memperlihatkan ciri-ciri yang sama.

Pergerakan sastra merujuk kepada satu kelompok karya yang besar dan berbagai-bagai. Pergerakan mengemukakan satu keadaan budaya dalam produk sastra dan dalam masa tertentu. Ia merakamkan satu keadaan budaya yang dominan dalam sesebuah hasil karya di dalam period tertentu. Contohnya pergerakan realisme merakamkan keadaan masyarakat bawahan seperti petani, buruh, nelayan, pekebun, pelacur dan ramai lagi. Pergerakan juga adalah fenomena umum yang tersebar luas seperti realisme, romantisme, modenisme, naturalisme dan klasikisme. Hal ini adalah satu kriteria yang paling bermakna untuk mengklasifikasikan jurnal sastra kepada period atau epoch sastra. Pergerakan bersifat lebih konsisten dan mempunyai kesan yang panjang sungguhpun ia tidak menonjol seperti trend.

Mazhab atau (school) ialah satu fenomena sastra yang ada pengelompokan pengarang. Pengarang tidak semestinya sebaya tetapi mereka adalah orang-orang yang mempunyai atau mendapat pendidikan dan latihan kesusasteraan yang sama. Aktiviti mereka adalah aktiviti yang mempunyai pemimpin dalam sesuatu mazhab tersebut. Penghormatan yang diberikan kepada pemimpin adalah tinggi dan setiap yang diasaskan oleh pemimpin perlu diikuti dengan taat. Aktiviti kumpulan ini adalah bersifat sekata dan terpelihara serta akan sama sampai bila-bila. Mazhab atau sekolah bermula dengan satu atau dua orang tokoh yang bertindak seperti guru dan mengemukakan konsep atau nilai baru dalam kesusasteraan.

Segala yang dikemukakan kemudiannya diikuti oleh pengikut atau muridnya. Pengikut pula akan sentiasa cuba meluaskan pengaruh pengajaran yang diasaskan oleh gurunya. Sekolah pemikiran ini berpotensi untuk melintasi zaman dan ruang masa serta geografi kerana murid-muridnya sentiasa bergiat membawa misi guru tersebut. Mazhab mampu hidup subur walaupun tanpa kehadiran guru itu lagi. Satu kumpulan penulis yang secara sedar setia kepada gaya penulisan tertentu. Sekolah selalunya dibentuk oleh sekumpulan pengkritik, mereka mungkin atau tidak mempunyai hubungan di antara satu dengan lain, yang mana mengemukakan konsep-konsep baru tentang sastera. Contohnya sekolah pemikiran Perancis dan sekolah pemikiran Amerika masing-masing mempunyai ciri-ciri yang diikuti ketika mengkaji sastera dalam Kesusasteraan Bandingan.

Satu lagi unsur dalam kajian periode ialah *generation* atau angkatan. Angkatan ialah satu fenomena perkelompokan sastera yang mempunyai ahli yang tertentu. Angkatan muncul daripada sekumpulan penulis yang memiliki bakat, umur, pendidikan, bahasa, berpegang pada prinsip yang sama dan mempunyai pengalaman yang sama seperti yang dijelaskan oleh Robert J. Clements (1978 : 147) :

*....the members of a literary generation are drawn together by a common heredity, education age, language, governing principles and generational experience, as well as by shared rejection of the preceding generation.*

(Clements, 1978: 147)

Oleh kerana memiliki persamaan-persamaan ini, mereka sama-sama menolak satu-satu konvensi sastera yang sedia ada. Sebagai gantinya angkatan ini dengan berani dan lantang mengemukakan pula idea-idea atau nilai yang baharu dalam kesusasteraan dan sekali dua menolak nilai-nilai dan tokoh-tokoh lama yang sedia ada dalam masyarakat itu sepertimana yang dijelaskan oleh Clements dalam petikan di bawah;

*A generation is no more a matter of dates than it is one of ideology. It appears when writers of the same age join in a common revolt against the fathers and when, in the process of adopting a new life style, they find their own models and spokesman.*

(Ibid .,: 147-148)

Dalam sejarah kesusasteraan nusantara Angkatan 45 yang dianggotai oleh Chairil Anwar, Asrul Sani dan lain-lain telah mencipta manifesto mereka sendiri dan menolak nilai-nilai konvensi dan tokoh-tokoh lama. Di Malaysia( Tanah Melayu) pula fenomena yang hampir sama berlaku bila Usman Awang, Krismas dan rakan-rakan telah menubuhkan satu angkatan yang dinamakan ASAS 50.

Angkatan biasanya bersifat tempatan dan terhad kepada sesebuah negara atau masyarakat tertentu sahaja(Clements,1978: 148). Angkatan juga

terhad dari segi masa. Ia hanya meliputi dua atau tiga dekad sahaja dari segi pengaruh dan kekuatannya.

Dalam setiap kajian sastera berdasarkan periode , apa yang dicari ialah tema, bentuk atau gambaran keindahan dan stail penulisan, serta mood. Contohnya keseronokan adalah mood yang dominan dalam pergerakan rococo, trajedi dalam baroque , kedamaian dalam New- Klasikisme dan melankolik dalam romantisme (Clements,1978 :146). Semua aspek kajian ini dilakukan di dalam konteks Kesusasteraan Bandingan.

Kajian periode juga mengambilkira keadaan masyarakat yang mempengaruhi penghasilan sesebuah karya sastera. Sesuatu pergerakan yang datang ke negara lain, proses adaptasi dan modifikasi dilakukan. Ciri pergerakan sastera di antaranya menunjukkan apabila ia keluar daripada tempat asalnya dan sampai di tempat baru ia tidak sama lagi dengan yang asal . Perkara ini dihuraikan oleh pendekatan periode. Misalnya pergerakan romantisme yang bermula di Eropah kemudiannya datang ke negara- negara Asia. Konsepnya tidak ditiru bulat- bulat oleh pengarang. Tujuan berbuat demikian ialah untuk menyesuaikan sesuatu pergerakan dengan persekitaran masyarakat tempatan.

Kajian berdasarkan periode juga terlalu luas skopnya kerana dalam satu pergerakan para pengkaji perlu melihat keseluruhan aspek dari aspek



luaran dan sampailah aspek dalaman, Pengkaji bukanlah menumpu pada satu- satu aspek yang dominan. Kesukaran timbul ditambah lagi dengan kemunculan sesuatu pergerakan dalam sesuatu negara tidak sama dengan negara lain. Misalnya ciri-ciri pergerakan realisme yang datang ke Asia Tenggara terpaksa mengalami perubahan untuk menyesuaikan dengan persekitaraan tempatan. Jadi perbezaan ciri- ciri atau gaya persembahan tidak membenarkan kajian dilakukan dengan mudah.

### 2.3. DARI REALISME KE NATURALISME.

#### 2.3.1. Realisme

Klasifikasi sastera menurut genre bukanlah satu-satunya cara membahagikan sastera ke dalam kumpulannya. Satu cara lain yang sentiasa digunakan oleh golongan ilmuan dan sejarawan sastera ialah klasifikasi karya sastera mengikut zaman, gerakan atau aliran. Kita memang sedikit sebanyak berbuat demikian apabila kita berbicara tentang zaman Pembaharuan atau membandingkannya dengan kesusasteraan zaman Pertengahan atau antara zaman romantis dengan zaman klasik atau realisme dengan naturalisme, ekspresionisme dan sebagainya. Zaman klasik dan romantis, kedua-duanya dihubungkan dengan suatu zaman tertentu, tambahan pula kedua-duanya jauh berbeza di antara satu dengan lain. Zaman klasik berkaitan dengan seni zaman Yunani kuno atau Romawi dan kita gunakan istilah zaman neoklasik